



## IKLAN JAWATAN KOSONG PEGAWAI TADBIR GRED N41

### INDIVIDU (WARGANEGARA MALAYSIA) YANG BERKELAYAKAN DIPELAWA UNTUK MENGISI KEKOSONGAN JAWATAN DI BAWAH

1. (a) Jawatan: : Pegawai Tadbir
- (b) Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Kuasa Tempatan : Universiti Sains Malaysia
- (c) Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran Dan Sokongan (N)
- (d) Jenis Skim Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
- (e) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
- (f) Gred : N41

2. Jadual Gaji : (RM Sebulan)

Gred Gaji	Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
N41	2,080.00	9,546.00	225.00

- Imbuhan Tetap : Khidmat Awam : RM 300.00  
Perumahan : RM 300.00

3. Syarat Lantikan
- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
    - Warganegara Malaysia;
    - Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
    - Kelayakan Lantikan Ke Gred N41 :

: (i) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Gaji Permulaan : Gred N41: RM2,080.00

#### ATAU

: (ii) Ijazah Sarjana Muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Gaji Permulaan : Gred N41: RM2,283.43

## DAN

Syarat Lantikan Tambahan : -

Syarat Bahasa Melayu : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. Taraf Jawatan : Pemohon yang berjaya akan ditawarkan jawatan bertaraf Kontrak dalam satu tempoh masa yang ditetapkan sebelum dipertimbangkan ke jawatan bertaraf Tetap.
5. Syarat Peningkatan Secara Lantikan : Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir dan Setiausaha Pejabat adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 3.1(c) (i); atau 3.1(c) (ii); atau
  - (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
  - (b) had umur pelantikan:
    - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
    - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
    - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.
6. Ringkasan Tugas : **Umum**
- Bertanggungjawab dalam hal-hal yang berkaitan dengan pentadbiran pejabat, sumber manusia, perolehan peralatan, pengurusan bajet, keperluan latihan, pengurusan akademik, pembangunan pelajar dan jaringan industri & khidmat masyarakat.
- Khusus**
- Akan ditetapkan oleh Ketua Pusat TanggungJawab mengikut keperluan perkhidmatan dan tugas.

Keutamaan akan diberikan kepada staf tetap/kontrak yang sedang berkhidmat di Universiti Sains Malaysia.

## PENDAFTAR